

16/03/1998

Penduduk bantah lebuh raya Sprint

Shamshul Azree Samsir

KUALA LUMPUR, Ahad - Persatuan Penduduk Zon Sungai Penchala hari ini meminta kerajaan mengkaji semula cadangan membina Lebuhraya Sprint yang akan merentasi kawasan penempatan Zon Sungai Pencala selain lebih 38 hektar tanah rizab Melayu.

Pengerusi Jawatankuasa Penajanya, Datuk Noor Azam, berkata pembinaan lebuh raya itu boleh menyebabkan tujuh kesan besar kepada Zon Sungai Pencala yang sebelum ini terhindar daripada projek pembangunan mega.

"Kesan terbesar ialah projek itu bakal mengorbankan lebih 38 hektar tanah rizab Melayu yang dimiliki penduduk asal di lima perkampungan sekitar Zon Sungai Penchala.

"Selain itu, penduduk akan mengalami banyak masalah seperti pencemaran seumur hidup selain menanggung kerugian besar akibat harga tanah yang jatuh kerana projek itu," katanya dalam sidang akhbar selepas mesyuarat pertama penubuhan persatuan itu di sini, hari ini.

Pemaju Lebuhraya Sprint yang bernilai RM1.3 bilion, Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Sdn Bhd dilaporkan ditawarkan kontrak membina lebuh raya itu pada 23 Oktober tahun lalu.

Difahamkan, pemaju projek itu sudah memulakan kerja penilaian tanah di kawasan projek berkenaan tanpa terlebih dulu meminta kebenaran daripada pemilik tanah.

Lima perkampungan di Zon Sungai Pencala yang terbabit dengan projek itu ialah Bukit Lanjan, Palimbayan, Palimbayan Indah, Sri Pencala dan Sungai Pencala. Dianggarkan lebih 5,000 penduduk mendiami semua perkampungan itu.

Noor Azam berkata, persatuan itu akan menghantar surat aduan kepada Syarikat Sistem Penyuraian Trafik KL Barat supaya menghentikan kerja penilaian tanah kerana ia tidak pernah mendapat kebenaran pemilik.

Selain itu, persatuan juga akan menghantar memorandum kepada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Dr Ibrahim Saad; Unit Perancang Ekonomi (Upen) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) mengenai pendiriannya.

"Persatuan juga menimbang cadangan menghantar memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya dapat mengkaji semula cadangan itu," katanya.

(END)